

**PENTAKSIRAN SUMATIF 3 2013
TINGKATAN LIMA (SPM)
BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Ogos

2¹/₂ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Disediakan Oleh:

Kerajaan Negeri Terengganu

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan taman awam kepada masyarakat dan cara untuk menjaga taman awam. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Pembangunan taman dan ujana awam di negara ini bermula pada zaman sebelum merdeka lagi dalam bentuk taman botani, iaitu Taman Botani Pulau Pinang, Taman Botani Taiping dan Taman Botani Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Tujuan asal taman pada masa itu lebih kepada pengumpulan koleksi spesis tumbuhan, sama ada daripada spesis tempatan mahupun luar negara, untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Pembangunan taman awam ini juga seharusnya mampu memberi impak bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga kepada masyarakat.

Selepas merdeka, negara *berkembang dengan pesat* dalam pelbagai sektor. Seajar dengan perkembangan itu, kerajaan telah membangunkan taman dan ujana awam untuk menampung keperluan penduduk terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Matlamat utamanya adalah untuk menjayakan pencapaian kualiti kehidupan yang menyeluruh (Total Quality Living Environment) dengan tumpuan kepada mutu persekitaran kehidupan yang indah, bersih dan selamat. Penyediaan taman dan ujana awam dapat memberikan ruang yang selesa daripada impak rekreasi dan keindahan alam di sekitar kawasan penduduk setempat, selain memberi peluang penduduk berinteraksi antara satu sama lain yang akan membantu integrasi sosial dan kesejahteraan hidup rakyat.

Pengguna yang memanfaatkan kemudahan yang disediakan mampu memperoleh peningkatan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulan atau individu. Malah, keindahan persekitaran alam seperti pokok teduhan, padang rumput dan pokok bunga-bunga di kawasan itu mampu memberikan kelegaan daripada tekanan kehidupan seharian dan mempengaruhi tahap kesegaran mental pengguna. Seseengah taman mampu menarik ribuan pelancong kerana mempunyai identiti dan keunikan sendiri. Hal ini serba sedikit akan membawa kepada peningkatan ekonomi setempat dari segi penginapan, perniagaan makanan dan kraf tangan.

Pokok dalam ruang lapang dan taman awam juga memainkan peranan penting dalam pengeluaran oksigen dalam udara, di samping memberi teduhan kepada pengguna. Hal ini kerana pokok yang rimbun akan menghalang cahaya terik matahari terus ke bumi. Ruang hijau dalam taman awam turut memainkan peranan dalam kawalan banjir kerana air larian permukaan tanah dapat menyerap masuk ke dalam tanah semasa hujan lebat. Kewujudan taman-taman ini di kawasan bandar dapat membantu usaha untuk mengurangkan kesan pulau haba.

Oleh sebab, pembangunan taman dan ujana awam banyak membawa kesan positif kepada masyarakat, sewajarnya kita sebagai anggota masyarakat memainkan peranan dan penyelenggaraan dan pengurusan aktiviti di kawasan berkenaan. Jabatan Landskap Negara bercadang untuk melancarkan Hari Landskap Negara 2013 bagi memupuk kesedaran penjagaan landskap, taman dan ujana awam serta ruang hijau di negara ini.

(Diubahsuaikan daripada *Kepentingan Taman Awam Kepada Masyarakat, Jabatan Landskap Negara, Berita Harian 3 Mac 2013*)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berkembang dengan pesat*. [2 markah]
- (ii) Apakah tujuan asal pembangunan taman dan ujana awam? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menarik penduduk supaya memanfaatkan taman awam? [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh Cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hoboh itu, dia mengambil tempatku.

Itulah detik-detik yang tidak dapat aku lupakan. Aku menyesal dan memohon ampun banyak-banyak daripada ibu. Aku sendiri tidak sedar sewaktu aku menjerit itu.

Barangkali niatku bukan kutujukan kepada ibu, tetapi kepada orang lain. Dan siapa orang lain itu tidak pula dapat aku pastikan. Kalau tidak kepada ibu, kepada siapa lagi kalau bukan kepada diri sendiri.

(Dipetik daripada cerpen 'Ibu dan Ceper'
oleh Shahnnon Ahmad dalam Antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah aku berasa menyesal dan memohon ampun daripada ibu? [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang anak, apakah tanggungjawab yang perlu kita laksanakan terhadap ibu bapa? Nyatakan **tiga** tanggungjawab tersebut. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terkandung dalam petikan cerpen dan **satu** pengajaran lain berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah demikian maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi pun makin sangat menangis takut akan ayahanda baginda. Maka Raja Indera Bumaya pun memujuk tuan puteri juga dengan kata yang manis-manis seraya katanya, “Ya tuanku, nyawa badan kakanda, janganlah menangis. Mata yang manis menjadi balut, suara yang merdu menjadi parau. Tuan, janganlah tuan *merosakkan kalbu* abang. Biarlah hilang abang seorang, mahulah lenyap kakanda seorang.” Maka kata tuan puteri, “Jika kakanda mati masakan adinda hidup. Hidup pun tiada apa gunanya.” Maka Raja Indera Bumaya pun tersenyum mendengar kata tuan puteri itu, seraya katanya, “Kasih sungguh rupa-rupanya tuan akan kakanda serta juga kakanda mati yang kasih tuan itu setelah terjunjunglah di atas batu kepala kakanda.” Maka Raja Indera Bumaya pun mencita gemala hikmat yang daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluar jin empat ribu dari dalam gemala hikmat itu. Maka titah baginda, “Hai saudaraku, pergilah tuan hamba berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.” Maka ia pun menyembah lalu turun berperang. Maka menjadi perang besarlah kedua pihak itu gegak gempita terang cuaca menjadi kelam kabut. Setelah seketika itu maka orang berperang pun terlalu banyaklah darah tumpah ke bumi maka bergeraklah tasik indera itu sementara itulah segala hulubalang rakyat sekalian.

Dipetik daripada
‘Hikayat Langlang Buana’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah maksud rangkai kata *merosakkan kalbu*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan perkara yang berlaku dalam peperangan antara jin dari gemala hikmat dengan rakyat Raja Bahrum Dewa? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Raja Indera Bumaya melancarkan peperangan terhadap Raja Bahrum Dewa? Nyatakan tiga alasan anda. [3 markah]

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Perpustakaan

Melangkah ke ruangmu	Bersemadi di sini
Satu pertukaran yang kontras	Aku adalah pelayar yang dahaga
Dari kehangatan merata	Di dada samudera
Ke kedinginan yang menerpa	Tak berpantai
Terlalu hening di sini	Betapapun kuteguk darinya
Gua pendeta bersemadi	Dahaga tak pernah langcai
Di puncak sepi	(Dipetik daripada
Di sana sini	<i>Antologi Harga Remaja,</i>
Kepala-kepala runding meneliti	Dewan Bahasa dan Pustaka)
Mata dan fikir bersebuti	
Maju ke ruang buku	
Terlalu kerdil aku di sini	
Terapung di laut ilmu	
Tercurah berzaman	
Dalam tak terselam	
Betapapun kulayari	
<i>Bahtera ilmu di sini</i>	
Tak terteroka	
Yang akan kucatat	
Hanya setitik dari tinta	
Yang akan kupetik	
Hanya sebiji dari mutiara	
Engkau adalah pusaka moyang	
Gedung peradaban insan	
Terhimpun berzaman	

- (i) Nyatakan maksud baris *Bahtera ilmu di sini*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kaedah lain yang sesuai anda lakukan untuk menambahkan ilmu dan maklumat selain mengunjungi perpustakaan? [4 markah]
- (iii) Berikan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tunjuk
- (ii) petunjuk
- (iii) penunjuk
- (iv) jelas
- (v) menjelaskan
- (vi) penjelasan

[6 markah]

(b) Tukar cakap pindah di bawah kepada cakap ajuk. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi dalam petikan tersebut.

Mashitah memberitahu Mauzah bahawa dia bercadang untuk mengikuti kursus perniagaan yang dianjurkan oleh kerajaan pada bulan itu. Mauzah menyokong rancangan Mashitah itu. Seterusnya, Mauzah menyatakan bahawa Mashitah akan dapat menimba pengetahuan melalui kursus itu. Mashitah melahirkan hasratnya untuk menjadi peniaga yang terkenal pada suatu hari nanti. Mauzah menyatakan keyakinannya bahawa Mashitah mampu untuk mencapai cita-citanya dan mendoakan kejayaannya. Mashitah mengucapkan terima kasih kepada Mauzah.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penulis akan mendapat kepuasan dan keseronokan jika hasil tulisan mereka di hargai oleh masyarakat.
- (ii) Penduduk Taman Haji Pa akan mengada kempen pencegahan jenayah untuk menggalakkan masyarakat bekerja sama memerangi kegiatan jenayah.
- (iii) Kandungan kolestrol yang tinggi menyebabkan pemimpin itu menyerang penyakit jantung secara tiba-tiba.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Warna jambu merah merupakan warna yang menjadi terma majlis perkahwinan Asbaida.
- (ii) Usaha gigih Puan Sukatini untuk menjadi seorang peniaga selama ini telah tertunai apabila dia membuka dua biji kedai runcit di Terengganu.
- (iii) Para petani di kawasan itu akan mengusahakan penanaman getah secara moden dengan bimbingan dari RISDA.

[6 markah]

(e) *Tulis ayat berdasarkan peribahasa di bawah supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) mencurah air di daun keladi
- (ii) mengambil hati
- (iii) kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

[6 markah]

Soalan 4: Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (ii) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Bahagian peleraian yang menarik dalam sesebuah novel memberi kepuasan kepada pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa menarik pada bahagian peleraian novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu latar masyarakat yang prihatin dalam setiap novel.

[8 markah]